

Dr M dikunjungi pemimpin pelbagai parti politik tanah air

BA-28/2/2020 m/s: 4

Putrajaya: Hari pertama Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri interim semalam, dipenuhi pertemuan dengan pemimpin pelbagai parti politik tanah air.

Seawal jam 8 pagi semalam, Dr Mahathir menerima kunjungan rombongan pemimpin kanan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) diketuai Presiden-nya, Tan Sri Muhyiddin Yassin, di kediaman peribadi dekat Seri Kembangan.

Perdana Menteri kemudian memasuki pejabat di Perdana Putra,

Putrajaya sebelum meneruskan sesi pertemuan yang disusun semalam.

Selain mengulangi pertemuan dengan Muhyiddin, Dr Mahathir bertemu dengan Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg yang mengetuai Gabungan Parti Sarawak (GPS).

Beliau juga bertemu Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng; Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Presiden Parti Amanah Ne-

gara (AMANAH), Mohamad Sabu.

Perdana Menteri juga mengadakan pertemuan dengan Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang bertindak keluar daripada PKR bersama 10 lagi Ahli Parlimen daripada parti itu, kelmarin.

Pejabat Perdana Menteri dalam kenyataannya, berkata Dr Mahathir dijangka bertemu dengan Presiden Parti Warisan Sabah (WARISAN), Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, hari ini.

Dalam perkembangan berasingan, Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali, se-

malam mempengerusikan Mesyuarat Khas bersama Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian.

Dalam ciapan menerusi akaun Twitter peribadinya, Mohd Zuki berkata, mesyuarat khas itu bagi meneruskan khidmat seperti biasa untuk kelangsungan perancangan dan pelaksanaan dasar sedia ada untuk rakyat dan negara.

Sementara itu, program dan aktiviti dirancang kementerian berlangsung seperti yang dijadualkan semalam, walaupun tanpa kehadiran menteri atau timbalan menteri berikutan pembatalan pe-

lantikan anggota pentadbiran susulan peletakan jawatan Perdana Menteri.

Perhimpunan bulanan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang mengikut jemputan awal akan dihadiri Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah, selaku timbalan menteri sebelum ini, dirasmikan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Mohamad Mentek.

"*Business as usual* dan segala program akan diteruskan sebagaimana yang dirancang," kata Mohammad.